



6 April 2007

Pusat Kerjasama Industri, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan Majlis Makan Malam Bersama Industri 2007 bertempat di Gurney Resort Hotel and Residences, Pulau Pinang, 6 April 2007 lalu. Majlis itu adalah kali ketiga diadakan yang turut disertai pensyarah dan pelajar termasuk pengarah dan wakil industri di Malaysia. Ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pihak industri dan UniMAP. Selain itu, majlis terbabit juga bagi menghargai pihak industri yang selama ini sentiasa memberikan kerjasama dalam menghasilkan jurutera bertaraf dunia yang memenuhi aspirasi negara.

Majlis dihadiri oleh Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato` Dr. Kamarudin Hussin. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Dalam ucapan perasmian, Dato` Kamarudin berharap, UniMAP akan dapat melahirkan lebih ramai jurutera baru yang mempunyai teori dan kemahiran. "Objektif kita adalah untuk mengeluarkan graduan yang berkualiti yang mampu memenuhi kehendak dan keperluan sesebuah industri, oleh itu kita memasukkan maklumat industri dalam kurikulum kita,"katanya.

MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA INDUSTRI 2007

Sementara itu, wakil pihak industri yang juga Ahli Lembaga Pengarah UniMAP, Dato' Mohd Sofi Osman dalam ucapannya berharap, agar UniMAP akan dapat melahirkan pelajar yang berinovatif pada masa akan datang. "Ini kerana, matlamat sesebuah industri ialah menjual barangan keluarannya, untuk itu, mereka perlulah menghasilkan produk baru yang boleh menarik perhatian pelanggan untuk membeli. Oleh itu, graduan perlulah memiliki kemahiran ini dan lebih kreatif bagi menghasilkan barangan baru,"katanya.

